

Terma & Syarat - Kempen Double Your Rewards FY2024

1. Kempen Double Your Rewards (“**Kempen**”) bermula pada 17 Oktober 2024 dan tamat pada 31 Disember 2024 (termasuk kedua-dua tarikh), melainkan diberitahu sebaliknya (“Tempoh Kempen”).
2. Kempen ini dianjurkan oleh Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat: 200701029411) (selepas ini dirujuk sebagai “Bank”) dan tertakluk kepada Terma dan Syarat di sini (“Terma dan Syarat”).
3. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 4 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Bank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad.

4. Peserta Yang Layak

Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan Baharu Bank dan/atau pelanggan Maybank/Maybank Islamic sedia ada berumur 18 tahun dan ke atas yang membuka Akaun Penyertaan melalui Laman Web M2U atau Aplikasi Mudah Alih MAE dan mengaktifkan Akaun Penyertaan semasa Tempoh Kempen. (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta Yang Layak”)

“Pelanggan Baharu Bank” merujuk kepada individu yang tidak mempunyai hubungan sedia ada dengan Maybank/Maybank Islamic dan yang tidak memohon sebarang produk Maybank/Maybank Islamic sebelum Tempoh Kempen.

Akaun Penyertaan
Premier Mudharabah Account-i (PMA-i)

5. Untuk akaun bersama, hanya pemegang akaun utama layak sebagai Peserta Yang Layak.
6. Semua Kakitangan Kumpulan Maybank tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
7. **Kriteria Kelayakan & Mekanisma Kempen**
 - a) Untuk menyertai Kempen, Peserta Yang Layak mesti membuka Akaun Penyertaan baru dalam talian melalui Laman Web M2U atau Aplikasi MAE dan diaktifkan semasa tempoh kempen.
 - b) Saluran untuk memohon dan membuka Akaun Sertaan baharu adalah seperti berikut:-

Akaun Penyertaan	Saluran	Pelanggan Baharu Bank	Pelanggan Sedia Ada Bank
Premier Mudharabah Account-i (PMA-i)	<ul style="list-style-type: none">• Aplikasi MAE• Laman Web M2U	✓	✓

Note:

1. Bagi pemohon MyKad, Peserta Yang Layak boleh mengaktifkan melalui Aplikasi MAE.
2. Bagi pemohon passport, Peserta Yang Layak dikehendaki hadir ke cawangan untuk pengaktifan.
- c) Untuk layak menerima hadiah Kempen, Peserta Yang Layak perlu memenuhi kriteria berikut:
 - Mengekalkan Baki Purata Harian (ADB) minimum RM15,000 setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen.

8. Pengiraan ADB adalah seperti berikut:

$$ADB = \frac{\text{Jumlah baki hari akhir harian sepanjang bulan masing-masing}}{\text{Jumlah hari bagi bulan masing-masing}}$$

9. Garis Dasar ialah Sifar (0) untuk Akaun Sertaan baharu.

10. Semua Peserta Yang Layak akan dijejaki secara automatik oleh sistem Kumpulan Maybank.

11. Pemenang akan dipilih pada penghujung Tempoh Kempen berdasarkan siapa cepat dia dapat ("Pemenang").

12. Hadiah Kempen

Kempen ini menawarkan Hadiah seperti yang ditetapkan di bawah:

Hadiah	Bulan	Amaun	Unit
Petronas Setel e-Voucher	Oct 24	RM150	200
Shopee e-Voucher	Nov 24	RM150	200
Grab e-Voucher	Dec 24	RM150	200

13. Setiap Peserta Yang Layak hanya layak memenangi maksimum satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Kempen.

14. Pengagihan Hadiah

- i. Hadiah yang berbentuk e-baucar/kod akan diedarkan melalui Sistem Pesanan Ringkas ("SMS") dalam tempoh 30 hari perniagaan selepas Kempen tamat atau pada tarikh yang ditentukan oleh Bank.
 - ii. Pemenang mesti mempunyai nombor telefon bimbit dan alamat e-mel yang sah berdaftar dengan Bank untuk dihubungi bagi penebusan hadiah. Mana-mana hadiah yang tidak dituntut selepas 31 Januari 2025 akan dibatalkan.
 - iii. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang untuk memastikan bahawa butiran hubungan yang diberikan dan disimpan dalam rekod Bank adalah terkini dan dikemas kini.
 - iv. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas penggunaan hadiah.
 - v. Bank berhak untuk menggantikan hadiah (nilai yang akan diputuskan oleh Bank) atas sebarang sebab yang difikirkan wajar oleh Bank. Bank akan memberitahu Pemenang melalui sebarang cara komunikasi yang Bank anggap sesuai.
 - vi. Hadiah diberikan atas dasar "seadanya" dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang disenaraikan di sini.
15. Pemenang mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain, apabila diperlukan, dan Pemenang bersetuju untuk sebarang pendedahan yang sama dalam apa jua cara seperti yang ditentukan oleh Bank. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain boleh menyebabkan kehilangan Hadiah.
16. Peserta Layak yang menutup Akaun Penyertaannya sebelum pemilihan pemenang dan pengagihan Hadiah selesai dan dimaklumkan tidak berhak menerima sebarang Hadiah di bawah Kempen.
17. Hanya pelanggan yang mempunyai Akaun Penyertaan yang aktif layak untuk menyertai Kempen. Akaun Penyertaan yang berada dalam status tidak aktif, tidak akan dipertimbangkan.

18. Peserta Layak yang akaunnya dengan tag status di bawah tidak akan layak untuk sebarang hadiah:
 - Akaun Melebihi Had
 - Akaun Dorman
 - Sebarang rekod/penandaan buruk
19. Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan.
20. Gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan, promosi dan bahan publisiti lain yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Kempen adalah/semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah.
21. Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau waranti Hadiah (yang mana berkenaan) mesti diselesaikan secara terus oleh Pemenang dengan peniaga/pembekal tanpa rekursu kepada Bank. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran kualiti atau waranti Hadiah atau sebarang terma dan syarat daripadanya.
22. Semua Peserta yang Layak akan bertanggungjawab secara peribadi untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka, di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada.
23. Jika terdapat sebarang pertikaian (kecuali pertikaian di bawah klausa 22 di atas) berkaitan dengan pengagihan hadiah atau ketidakterimaan Hadiah, pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di 1300 88 6688 untuk pertanyaan. Tiada permintaan untuk sebarang pertanyaan akan dilayan selepas 15 Februari 2024. Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan.

Terma & Syarat Am

24. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan berkenaan dengan kegagalan teknikal apa jua jenis, campur tangan, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e asalkan perkara tersebut tidak disebabkan oleh Maybank.
25. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menangguhkan, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhannya atau sebahagiannya dan berhak untuk mengubah suai mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari ("hari" di sini merujuk kepada hari kalendar) mengenainya, yang mana notisnya akan disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui mana-mana saluran lain yang ditentukan oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapat maklumat atau sebaliknya mencari sebarang notis yang disiarkan secara sah.
26. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala untuk melihat terma dan syarat di sini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya mana-mana Terma & Syarat tidak difahami sepenuhnya.

27. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat di sini dan bersetuju serta membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank mengikut Penyata Privasi Maybank, yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my ("Penyata Privasi Maybank") dan Borang Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) untuk Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada terma dalam Penyata Privasi Maybank dan Borang Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) untuk Pelanggan Individu, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i. tujuan Kempen; and
 - ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media atau bahan pengiklanan atau publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital serta di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temubual, respons, dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.
28. Maybank dan pegawai, petugas, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Yang Layak dalam Kempen ini untuk sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung, tidak langsung, khas atau turutan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh sebarang kecuaihan melampau atau ketinggalan oleh Maybank.
29. Maybank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh sebarang peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau sebarang peristiwa dan keadaan apa jua alam di luar kawalan munasabah Maybank.
30. Maybank boleh membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berkenaan dengan Kempen.
31. Terma dan syarat yang dinyatakan di sini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
32. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia Terma & Syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas, dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, sila hubungi talian penting Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688, +603 7844 3696. Sebagai alternatif, untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.